



Berdasarkan maklumat diperoleh, pemandu lori mendakwa kenderaannya rosak dan diletakkan di bahu jalan. Bagaimanapun, punca sebenar kemalangan sedang dikenal pasti dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987”

Alexson Naga Chabu,
Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Sarawak

Anggota bomba dan penyelamat mengeluarkan mangsa dari bas sekolah yang melanggar belakang lori di Kilometer 12 Jalan Pesisir Bintulu-Miri berhampiran Ladang Sebu, Samalaju, semalam.

3 maut bas sekolah rempuh lori

→ Mangsa
terbunuh
di tempat
kejadian akibat
cedera parah
di kepala

Oleh Erika George
bhnews@bh.com.my

► Bintulu

Dua murid Sekolah Kebangsaan (SK) Kidurong II di sini, antara tiga yang terbunuh apabila bas sekolah mereka naiki merempuh belakang lori di Kilometer 12 Jalan Pesisir Bintulu-Miri berhampiran Ladang Sebu, Samalaju, di sini, semalam.

Aien Laila Alesha Abdullah, 11, mati di tempat kejadian akibat kecederaan teruk di kepala, manakala Nurnadia Syakila, 9, meninggal dunia di Unit Kecemasan

Hospital Bintulu.

Pemandu bas, Ramnelan Samat, 50, meninggal dunia di lokasi dalam kemalangan jam 6.12 pagi itu.

Alami trauma

Tujuh lagi murid cedera dan diletakkan di bawah pengawasan pasukan perubatan Hospital Bintulu, manakala 12 lagi terselamat tetapi mengalami trauma susulan kemalangan itu. Pemandu lori tidak mengalami kecederaan.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Sarawak, Superintendan Alexson Naga Chabu, berkata bas berkenaan dalam perjalanan menghantar 22 murid

yang juga anak pekerja ladang sawit di Samalaju ke sebuah sekolah di pusat bandar.

Katanya, siasatan mendapati bas berkenaan merempuh belakang lori membawa muatan besi paip yang diletak di bahu jalan.

Bahagian depan bas remuk

“Rempuhan itu menyebabkan bahagian depan bas remuk, dengan ada mangsa yang tersepit,” katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Alexson berkata, berdasarkan maklumat diperoleh, pemandu lori mendakwa kenderaannya rosak dan diletakkan di bahu jalan.

“Bagaimanapun, punca sebenar

kemalangan sedang dikenal pasti dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987,” katanya.

Sementara itu, Pusat Gerakan Operasi Bomba dan Penyelamat Sarawak memaklumkan sepasukan pegawai dan anggota bersama jentera, masing-masing dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintulu dan Samalaju dikejarkan ke lokasi sebaik menerima panggilan kecemasan.

“Berdasarkan maklumat yang diterima, seorang mangsa tersepit di tempat duduk (pemandu bas) berikutan keadaan kenderaan yang remuk akibat pelanggaran,” katanya.